

ETIKA

BERPAKAIAN DAN SAHSIAH RUPA DIRI PELAJAR



PERATURAN AM

1. Berpakaian kemas, bersih, sopan, tidak ketat, tidak jarang, tidak menjolok mata dan sesuai dengan aktiviti yang dijalankan.
2. Mempamerkan Kad Matrik Pelajar.
3. Tidak memakai pakaian atau aksesori yang melambangkan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan.
4. Pakaian tradisional boleh dipakai dengan syarat ia tidak melanggar peraturan Universiti.
5. Pelajar lelaki tidak boleh menyerupai perempuan dan pelajar perempuan tidak boleh menyerupai lelaki.
6. Pelajar tertakluk kepada etika berpakaian khusus yang ditetapkan oleh Fakulti dan Pusat Pengajian.

Peraturan berpakaian semasa menghadiri majlis rasmi atau urusan rasmi universiti

- a) Pelajar dikehendaki berpakaian kemas dan sopan mengikut etika pakaian yang ditetapkan oleh penganjur dan tidak melanggar peraturan Universiti; dan
- b) Pemakaian jeans adalah tidak dibenarkan semasa menghadiri majlis rasmi atau urusan rasmi Universiti.

Peraturan berpakaian semasa menghadiri kuliah

- a) Pelajar dikehendaki berpakaian kemas, sopan dan tidak melanggar peraturan Universiti; dan
- b) Pemakaian jeans adalah dibenarkan semasa menghadiri kuliah dengan syarat ia tidak ketat, londeh, lusuh, koyak-koyak dan bertampal-tampal.

Peraturan berpakaian: Makmal, Aktiviti Sukan, Aktiviti Kebudayaan

- a) Mematuhi etika pakaian dan peraturan yang ditetapkan dalam aktiviti tersebut.
- b) Pakaian yang sopan dan tidak menjolok mata.
- c) Pakaian renang hanya dibenarkan semasa aktiviti renang dan ketika dalam kawasan kolam renang sahaja; dan
- d) Seluar *Legging* bagi lelaki dan perempuan hanya dibenarkan untuk tujuan sukan sahaja.

PERATURAN BERPAKAIAN KHUSUS

LELAKI

- a) Digalakkan memakai pakaian ko-kurikulum atau beruniform atau korporat pada hari yang ditetapkan.
- b) Memakai kasut yang bertutup dan berstoking semasa menghadiri kuliah dan urusan rasmi Universiti. Selipar dan sandal dilarang sama sekali kecuali sakit.
- c) Digalakkan memakai baju kebangsaan pada hari yang ditetapkan.
- d) Memastikan jambang dan janggut sentiasa kemas dan rapi.

PEREMPUAN

- a) Digalakkan memakai baju kurung.
- b) Digalakkan memakai pakaian ko-kurikulum atau beruniform atau korporat.
- c) Memastikan pakaian yang dipakai tersebut adalah sopan, kemas.
- d) Dibenarkan memakai pakaian yang menutup muka kecuali semasa proses pengecaman identiti.
- e) Hanya bertindik satu tindik sahaja dan dibenarkan memakai sepasang anting-anting.
- f) Hendaklah dipastikan kain atau skirt melepasi lutut.



LARANGAN

1. Selipar, sandal; memakai aksesori hiasan berlebihan.
2. Mencacah atau mempamerkan tatu pada mana-mana bahagian anggota badan kecuali untuk keagamaan
3. Mewarnakan rambut dengan warna menyerlah dan mewarna kuku (kecuali faktor kesihatan)
4. Dilarang Memakai t-shirt tanpa kolar dan baju tanpa lengan semasa urusan rasmi.
5. Memakai skirt mini, skirt terbelah dan ketat ; seluar ketat, londeh dan singkat.

PENGUATKUASAAN

Semua Staf Universiti berperanan sebagai pihak penguatkuasa kepada peraturan ini dan boleh membuat teguran dan mengenakan dendaan kepada pelajar

Tindakan terhadap pelajar yang melakukan pelanggaran peraturan

1. Pelajar boleh dihalang dari memasuki atau berurusan di kelas atau makmal atau pejabat yang berkenaan.
2. Pelajar diberi amaran untuk kesalahan kali pertama dan akan dikenakan dendaan sebanyak RM5.00 untuk kesalahan kali kedua (2) dan seterusnya sepanjang pengajian.
3. Setiap kesalahan akan direkodkan dalam Sistem Maklumat Akademik Pelajar (SMAP)

